

**Soalan Lazim (FAQ) Berkenaan Permohonan Moratorium Lanjutan Bersasar Dan
Fleksibiliti Pembayaran Balik Pembiayaan CBP
18 Ogos 2020**

No	Soalan	Jawapan
1	Siapakah yang layak untuk memohon bagi program moratorium lanjutan dan fleksibiliti pembayaran balik pembiayaan ini?	Permohonan bagi lanjutan moratorium bersasar ini HANYA layak khusus bagi pelanggan pembiayaan Peribadi dan Perumahan/Hartanah CBP yang telah diberi moratorium automatik sebelum ini dan memenuhi kriteria tambahan yang telah ditetapkan oleh CBP.
2	Adakah setiap pelanggan CBP yang telah diberi moratorium layak memohon bagi program moratorium lanjutan bersasar dan fleksibiliti pembayaran balik pembiayaan ini?	<p>Permohonan moratorium lanjutan bersasar ini HANYA terbuka kepada pelanggan individu yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pelanggan individu yang hilang pekerjaan dan pendapatan pada tahun 2020 serta masih lagi belum mendapat pekerjaan; dan 2. Pelanggan individu yang mengalami pengurangan gaji bulanan. <p>Bagi pelanggan sektor Korporat dan Koperasi, setiap permohonan moratorium lanjutan bersasar akan dipertimbangkan oleh CBP. Untuk permohonan moratorium, sila emel ke moratorium@cbp.com.my</p>
3	Bilakah tarikh permohonan program ini boleh dibuat dan bagaimanakah cara permohonan perlu dibuat?	<p>Permohonan moratorium lanjutan bersasar hendaklah dibuat melalui emel ke moratorium@cbp.com.my bermula dari 18 Ogos 2020 sehingga 4 September 2020 sahaja.</p> <p>Sebarang permohonan yang dibuat selepas 4 September 2020 tidak akan dilayan.</p>

4	Apakah dokumen diperlukan bagi permohonan ini?	<p>Dokumen yang perlu dikemukakan oleh pelanggan ada seperti yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Dokumen yang diperlukan bagi pelanggan individu yang hilang pekerjaan dan pendapatan pada tahun 2020 serta masih lagi belum mendapat pekerjaan: <ul style="list-style-type: none"> - Salinan kad pengenalan pemohon - Surat pembehentian kerja dari majikan; - Penyata KWSP terkini dan - Penyata gaji terakhir. 2. Dokumen yang diperlukan bagi pelanggan individu yang mengalami pengurangan gaji bulanan <ul style="list-style-type: none"> - Salinan kad pengenalan pemohon - Surat pengurangan gaji dari majikan (nyatakan tarikh mula dan jangkaan tamat pengurangan gaji); - Penyata KWSP terkini dan - Penyata gaji terkini (<i>sebelum dan selepas pengurangan gaji</i>).
5	Suami/Isteri kepada pelanggan pembiayaan peribadi CBP telah diberhentikan kerja oleh majikannya akibat wabak Covid-19. Adakah pelanggan CBP berkenaan layak untuk memohon bagi moratorium lanjutan bersasar ini?	Tidak layak.
6	Majikan saya telah menanggungkan kesemua tuntutan kerja lebih masa berikutan wabak Covid-19 dan ia menjejaskan pendapatan bulanan saya. Adakah saya layak untuk memohon bagi moratorium lanjutan bersasar ini?	Tidak layak.
7	Berapa lamakah tempoh moratorium lanjutan bersasar ini diberikan?	<p>Moratorium lanjutan bersasar ini adalah bagi tempoh 3 bulan bermula bulan Oktober 2020 sehingga Disember 2020 bagi pelanggan individu yang hilang pekerjaan dan pendapatan pada tahun 2020 serta masih lagi belum mendapat pekerjaan.</p> <p>Manakala bagi pelanggan individu yang mengalami pengurangan gaji, CBP akan memberi pengurangan jumlah ansuran sepadan dengan pengurangan gaji bagi tempoh sekurang-kurangnya 6 bulan.</p>
8	Adakah laporan CCRIS diambilkira sebagai tiada bayaran dalam tempoh Moratorium?	Penangguhan bayaran dalam tempoh moratorium ini tidak akan direkodkan sebagai tidak berbayar di bawah mana-mana agensi 'credit ratings' yang diluluskan.

9	Bolehkah pembiayaan di bawah program AKPK layak untuk program ini?	Layak, sekiranya anda memenuhi salah satu kriteria yang dinyatakan pada perkara 2.
10	Perluakah saya berurusan dengan pihak BPA/majikan saya berkenaan moratorium ini?	Tidak perlu, CBP akan berurusan terus dengan pihak BPA bagi pelaksanaan moratorium lanjutan ini sekiranya permohonan diluluskan.
11	Berapa lamakah tempoh pemprosesan permohonan moratorium lanjutan ini?	Setiap permohonan moratorium lanjutan bersasar bagi pelanggan individu akan diproses dalam tempoh 14 hari bekerja.
12	Sekiranya saya masih mengalami masalah pembayaran selepas tempoh moratorium lanjutan bersasar atau fleksibiliti pembayaran balik pembiayaan tamat, adakah CBP menyediakan pilihan pembayaran yang lain untuk saya?	Ya, pelanggan hendaklah merujuk kepada CBP. Walau bagaimanapun, segala keputusan tertakluk kepada kelulusan CBP.
13	Apakah pembiayaan ini diklasifikasikan sebagai penjadualan semula (reschedule) atau penstrukturan semula (restructured)?	Tidak. Akaun ini tidak akan diklasifikasikan sebagai penjadualan semula atau penstrukturan semula dan rekod adalah kekal seperti sedia ada.
14	Adakah caj pembayaran lewat semasa moratorium tidak perlu dibayar dan dimansuhkan?	Ya, tiada caj pembayaran lewat (Ta'widh atau Gharamah) dikenakan bagi tempoh moratorium ini.
15	Di manakah boleh saya semak jumlah baki pembiayaan?	Sila layari e-semakan CBP di laman http://bit.ly/semakCBP atau melalui applikasi My CBP di Google Play Store.

Co-opbank Pertama 18 Ogos 2020

Nota:

Sebarang maklumat tambahan akan dikemaskini dari semasa ke semasa.